

Harian Metro

Setempat



FOTO | Mohd Fadli Hamzah

KERJASAMA
...Muhyiddin bersama beberapa pemimpin sektor awam tempatan dan Singapura yang menghadiri seminar, semalam.

Subsidi beli alat sekolah

Cadangan ringankan beban pelajar miskin dikaji

>>Oleh **Muhammad Saufi Hassan**

saufi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji cadangan pemberian subsidi kepada pelajar miskin di negara ini untuk membeli peralatan sekolah kerana menyedari ia mampu meringankan beban golongan itu terutama pada pembukaan sesi sekolah Januari depan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mengakui ia sesuatu yang baik untuk pelajar miskin dan amat prihatin terhadap beban yang ditanggung rakyat kurang berkemampuan.

"Walaupun begitu, semua keputusan terletak pada tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sama

ada untuk melaksanakan cadangan itu atau membuat sebarang keputusan lain.

"Bagi pendapat saya, kajian secara menyeluruh perlu dilakukan untuk melihat keupayaan kewangan negara, namun demi kepentingan rakyat ia mungkin boleh dilaksanakan. Apapun, wajar kita tunggu keputusan Perdana Menteri dulu," katanya selepas memberi ucapan pada seminar bersama pemimpin penjawat awam Malaysia-Singapura 2011, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassam dan Ketua Perkhidmatan Awam Singapura, Peter Ong.

Sebelum ini, Ketua Pemuda MCA, Datuk Dr Wee Ka Siong dilapor mengemukakan saranan supaya kerajaan mempertimbangkan subsidi sebanyak RM100 kepada se-

tiap murid daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana sebagai satu inisiatif untuk meringankan beban pendidikan mereka.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Pemuda MCA Kebangsaan kali ke-47, yang berakhir semalam.

Pada masa sama, dalam ucapan seminar perkhidmatan awam itu, Muhyiddin berkata, contoh kepemimpinan yang baik adalah faktor utama kepada pencapaian tadbir urus yang cemerlang.

Katanya, pemimpin dan pekerja berkenaan perlu memastikan golongan itu cukup memahami beberapa aspek penting termasuk akauntabiliti, perkhidmatan awam dan mempunyai tahap kesungguhan yang tinggi.